



## **PENGENALAN**

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu telah memperkenalkan Anugerah Keluarga Lengkap Mithali bermula pada tahun 2005 hingga sekarang dan Anugerah Keluarga Tunggal Mithali bermula pada tahun 2013 hingga sekarang.

Ia bertujuan untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada tokoh Keluarga Lengkap Mithali dan Keluarga Tunggal Mithali di samping menjadi model dan ikutan kepada masyarakat bagi mewujudkan sebuah keluarga bahagia dan berkualiti.

Tokoh Anugerah Keluarga Mithali Lengkap dan Keluarga Tunggal Mithali akan dinobatkan pada 7 Julai, 2024 (Sabtu) bersamaan 1 Muharram 1446H sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Terengganu.

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu mengalu-alukan semua pihak untuk mencadangkan calon-calon yang layak untuk dinobatkan sebagai penerima tokoh Keluarga Mithali Lengkap dan Keluarga Tunggal Mithali Peringkat Negeri Terengganu.

## **SYARAT PENCALONAN KELUARGA LENGKAP MITHALI**

1. Calon mestilah rakyat negeri Terengganu.
2. Pencalonan hanya sah menggunakan borang pencalonan rasmi ANUGERAH KELUARGA LENGKAP MITHALI yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu sahaja.
3. Calon hendaklah menyertakan dua (2) keping gambar, sekeping gambar secara berpasangan (suami isteri) dan sekeping gambar bersama keluarga.
4. Keputusan pemilihan Anugerah Tokoh Keluarga Lengkap Mithali akan diputuskan oleh Jawatankuasa Panel Pemilih yang dilantik Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.
5. Calon-calon yang pernah memohon dan belum pernah menerima Anugerah Tokoh Keluarga Lengkap Mithali boleh dicalonkan semula.
6. Permohonan dibuka pada 24 April 2024 (Rabu) dan tarikh tutup permohonan pencalonan pada 26 Mei 2024 (Ahad).

7. Borang permohonan pencalonan boleh didapati di Ibu Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Kawasan dan melalui laman sesawang YPKT [www.ypkt.gov.my](http://www.ypkt.gov.my). Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Kawasan sebelum atau pada 30 Mei, 2024 ( Khamis ).

### **KRITERIA PEMILIHAN CALON KELUARGA LENGKAP MITHALI**

1. Ketua keluarga yang dapat mengekalkan keharmonian dan kebahagiaan dalam perkahwinan serta mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia dan sejahtera.
2. Ketua keluarga yang mengamalkan sikap kecaknaan, semangat kejiwaan yang tinggi dan aktif dalam memberi sumbangan kepada aktiviti kemasyarakatan / kesukarelawan diutamakan.
3. Ketua keluarga yang mempunyai bilangan anak yang ramai dan berjaya dalam akademik serta kemampuan anak-anak memberi sumbangan kepada masyarakat diutamakan.
4. Ketua keluarga dan anak-anak mempunyai sifat dan keperibadian yang unggul yang boleh menjadi tauladan kepada keluarga lain.
5. Ketua keluarga yang dapat mewujudkan hubungan kasih sayang, saling hormat menghormati, mesra dan bertanggungjawab antara suami isteri, anak menantu, ipar duai dan besan.

### **SYARAT PENCALONAN KELUARGA TUNGGAL MITHALI**

1. Calon mestilah rakyat negeri Terengganu.
2. Pencalonan hanya sah menggunakan borang pencalonan rasmi ANUGERAH KELUARGA MITHALI kategori Keluarga Tunggal yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu sahaja.
3. Calon hendaklah menyertakan dua (2) keping gambar, sekeping gambar calon dan sekeping gambar bersama keluarga.
4. Keputusan pemilihan Anugerah Tokoh Keluarga Tunggal Mithali akan diputuskan oleh panel pemilih yang dilantik oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.
5. Calon yang pernah memohon dan belum pernah memenangi Anugerah Tokoh Keluarga Tunggal Mithali boleh dicalonkan semula.

6. Permohonan dibuka pada 24 April 2024 (Rabu) dan tarikh tutup permohonan pencalonan pada 26 Mei 2024 ( Ahad).
7. Borang pencalonan boleh didapati di Ibu Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Kawasan Borang permohonan pencalonan boleh didapati di Ibu Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Kawasan dan melalui laman sesawang YPKT [www.ypkt.gov.my](http://www.ypkt.gov.my). Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Kawasan sebelum atau pada 30 Mei, 2024 ( Khamis ).
8. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu atau Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Kawasan sebelum atau pada 30 Mei, 2024 ( Khamis ).

#### **KRITERIA PEMILIHAN CALON KELUARGA TUNGGAL MITHALI**

1. Calon mestilah terdiri daripada ibu / bapa tunggal (sekurang-kurangnya 10 tahun berstatus ibu / bapa tunggal).
2. Calon yang sentiasa mengamalkan sikap kecaknaan, semangat kejiwaan yang tinggi dan aktif dalam memberi sumbangan kepada aktiviti kemasyarakatan atau sukarelawan diutamakan.
3. Calon mestilah mempunyai bilangan anak yang ramai dan berjaya dalam akademik serta kemampuan anak-anak memberi sumbangan kepada masyarakat diutamakan.
4. Calon dan anak-anak mempunyai sikap keperibadian yang unggul yang boleh menjadi tauladan kepada keluarga lain.
5. Calon mempunyai sumber pendapatan yang boleh menyara keluarga (boleh berdikari dari segi ekonomi).

#### **IBU PEJABAT YPKT:**

##### **Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu,**

Jalan Sultan Omar,

20300 Kuala Terengganu,

Terengganu Darul Iman.

Talian am: 09-624 9355 / 57 / 58

Faks: 09-624 1078

Emel: [admin@ypkt.gov.my](mailto:admin@ypkt.gov.my)

## **PEJABAT KAWASAN YPKT**

### **YPK Kawasan Kuala Terengganu**

Kompleks Ibu Tunggal Chendering, Jalan Kubang Ikan,  
21080 Kuala Terengganu, Terengganu.

No Tel. & Faks: 09-616 4917

Emel: [kualaterengganu@ypkt.gov.my](mailto:kualaterengganu@ypkt.gov.my)

### **YPK Kawasan Kuala Nerus**

PT 37834, Perkedaaian Rimba Square,  
21200 Kuala Nerus, Terengganu.

No Tel. & Faks: 09-667 2667

Emel: [kualanerus@ypkt.gov.my](mailto:kualanerus@ypkt.gov.my)

### **YPK Kawasan Setiu**

Lot 2605, No. 5, Aras1, Perkedaaian MDS-UDA,  
Bandar Permaisuri, 22100 Setiu, Terengganu.

No Tel. & Faks: 09-609 7808

Emel: [setiu@ypkt.gov.my](mailto:setiu@ypkt.gov.my)

### **YPK Kawasan Besut**

Lot 3558-1, Tingkat 1, Jalan Kg. Badang, Kg. Alor Lintah,  
22000 Jerteh, Besut, Terengganu.

No Tel. & Faks: 09-697 6301

Emel: [besut@ypkt.gov.my](mailto:besut@ypkt.gov.my)

### **YPK Kawasan Marang**

PT 160, Bangunan Permint, Bandar Marang,  
21600 Marang, Terengganu.

No Tel. & Faks: 09-618 9135

Emel: [marang@ypkt.gov.my](mailto:marang@ypkt.gov.my)

### **YPK Kawasan Dungun**

Lot 9999 Tingkat 1, Bangunan Business Centre,  
Sura Gate, 2300 Dungun, Terengganu.

No Tel. & Faks: 09-848 5654

Emel: [dungun@ypkt.gov.my](mailto:dungun@ypkt.gov.my)

### **YPK Kawasan Hulu Terengganu**

PT 839, Aras 1, Pusat Perdagangan Kuala Berang,  
21700 Kuala Berang, Terengganu

No Tel. & Faks: 09-686 1012/ 09-686 1291

Emel: [huluterengganu@ypkt.gov.my](mailto:huluterengganu@ypkt.gov.my)

### **YPK Kawasan Kemaman**

Lot 144, Kampung Gong Limau,  
24000 Kemaman, Terengganu.

No Tel. & Faks: 09-858 4898/ 09-850 5072

Emel: [kemaman@ypkt.gov.my](mailto:kemaman@ypkt.gov.my)